

BAHASA MELAYU TAHUN 5

UNIT 13: SIKAP BERTANGGUNGJAWAB

TAJUK: WARISAN

AKTIVITI 1

Arahan: Kenal pasti makna dan pilih perkataan yang sesuai.

jati diri	tradisional	aspirasi	dipromosikan	budi
global	identiti	budaya	bangsa	warisan

PERKATAAN	MAKNA
	Teras dan lambing keperibadian sesuatu bangsa
	Pusaka, peninggalan
	Tamadun, peradaban
	Kebiasaan, amalan yang kekal turun temurun
	Kaum, keturunan
	Sifat atau perbuatan baik
	Diperkenalkan
	Keinginan yang kuat, cita-cita
	Sifat atau ciri-ciri yang terdapat pada seseorang
	Seluruh dunia, sejagat

AKTIVITI 2

Biografi

Pengorbananku demi Tugas

Pekerjaan sebagai malim gunung memang mencabar. Malim gunung ialah jurupandu kepada pendaki gunung. Demi tugas dan jati diri yang tinggi, Mohd Ridzuan Kauhini, malim gunung di Gunung Kinabalu nekad menyelamatkan nyawa seorang kanak-kanak yang terkandas semasa kejadian gempa bumi di Sabah.

"Saya gementar apabila dianggap sebagai wira, padahal saya hanyalah insan biasa. Sumbangan saya itu kecil berbanding dengan pengorbanan anggota keselamatan yang menjaga kedaulatan negara," kata Mohd Ridzuan kepada pemberita.

Mohd Ridzuan hanya merendah diri dan menyifatkan dirinya masih seperti malim gunung lain yang mencari rezeki dengan membawa pendaki ke puncak Gunung Kinabalu. "Saya berkorban dengan ikhlasnya tanpa mengharapkan sebarang balasan dan, bagi saya, semua malim gunung ialah wira," jelas beliau.

Berkat kerjasama semua, malim gunung dapat menyelamatkan pendaki yang terkandas. Malim gunung membuktikan bahawa mereka juga boleh berbakti untuk tanah air. Tugas murni mereka dapat meningkatkan keyakinan pendaki untuk terus meneroka keindahan puncak Gunung Kinabalu.

Mohd Ridzuan dianggap wira oleh pemimpin negara. Atas dedikasi itu, beliau dinobatkan sebagai ikon kebanggaan negara ketika sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2015. Beliau juga dianugerahi Darjah Kebesaran Bintang Setia Kinabalu.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Berita Harian, *Saya Bukan Wira tetapi Malim Gunung*, 10 Disember 2015)



Sila pilih jawapan yang tepat berdasarkan petikan di atas.

1. Malim gunung, Mohd Ridzuan, tidak mahu dianggap sebagai wira. Mengapa?
 - A Kerana beliau seorang yang rendah diri.
 - B Kerana beliau hanyalah seorang malim gunung.
 - C kerana menganggap sumbangannya itu terlalu kecil jika dibandingkan dengan pengorbanan anggota keselamatan yang menjaga kedaulatan negara.
 - D Kerana beliau seorang wira.

2. Bagaimanakah negara mengiktiraf jasa dan bakti beliau?
 - A Menobatkan Mohd Ridzuan sebagai ikon kebanggaan negara.
 - B Memberi hadiah kepada Mohd Ridzuan.
 - C Menjadi pemimpin negara.
 - D Mendapat gelaran Dato'.

 **LIVEWORKSHEETS**

3. Apakah kesan kepada imej Malaysia di mata dunia dengan sikap sanggup berkorban beliau?
- A dipandang hina
 - B di pandang tinggi
 - C mendapat cemuhan daripada orang ramai.
 - D di fitnah.
4. Apakah sumbangan malim gunung terhadap pembangunan negara?
- A Membantu industri pelancongan negara.
 - B Membawa lebih ramai orang mendaki gunung.
 - C Menjadi punca pencemaran di puncak gunung.
 - D Menyelamat pendaki yang terkandas.
5. Nyatakan pengajaran yang boleh diambil daripada kisah di atas.
- A Kita hendaklah mementingkan diri sendiri supaya tidak terdedah kepada bencana.
 - B Kita perlu berbakti pada tanah air.
 - C Kita mestilah sanggup berkorban nyawa demi negara tanpa mengharapkan balasan.
 - D Kita haruslah menuntut hadiah atas dedikasi yang telah diberikan.

AKTIVITI 3

Lengkapkan gurindam yang telah di ubah suai oleh Afifi.

dipuji rakan

suri teladan

Hebat disiplin disuburi

amalan cemerlang
menjadi ikutan
bintang malam gemilang
denai di tengah hutan

membantu insani
suka menabur jasa
berjiwa murni
tiba tidak kira masa

Gurindam Afifi

Apabila selalu memberikan bakti,
Tentunya bakti sentiasa di hati.

Jika kita sentiasa di hati,
Tandanya kita murid dihormati.

Apabila peribadi _____,
Tandanya kita _____.

Apabila tersematnya jati diri,
Bakallah _____.

